



Ruj. Kami : (11) KKA.173/UP/292/8 Jld 6
Tarikh : 21 Oktober 2010

EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/Datin/Tuan/Puan

SURAT EDARAN BAHAGIAN AKAUN BIL 11 TAHUN 2010 PELAKSANAAN SISTEM ePENYATA GAJI DAN eLAPORAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 tahun 2010 bertarikh 29 September 2010, dengan ini telah menetapkan pelaksanaan sistem ePenyata Gaji dan eLaporan berkuatkuasa pada bulan Oktober 2010. Walaubagaimanapun bagi tujuan pelaksanaan Pusat Tanggungjawab di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, tarikh kuatkuasa Sistem ePenyata Gaji dan eLaporan adalah pada bulan Disember 2010. Peraturan-peraturan yang berkaitan adalah sebagaimana butiran di bawah:

1. TUJUAN

Surat Edaran ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan Sistem ePenyata dan eLaporan yang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk membolehkan Penyata Gaji Bulanan, Penyata Pendapatan Tahunan dan Laporan Bulanan Pejabat Perakaunan disampaikan terus kepada pengguna melalui laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia (www.anm.gov.my) selaras dengan peningkatan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

2. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA INDIVIDU

- 2.1. Mengakses, mencetak atau memuat turun Penyata Gaji Bulanan dan Penyata Pendapatan tahunan dengan menggunakan sistem. Penyata Gaji Bulanan boleh mula dicetak 1 hari sebelum tarikh pembayaran gaji. Sila rujuk **Lampiran B** bagi Tatacara Penggunaan Sistem ePenyata Gaji.
- 2.2. Menghubungi Pusat Pembayar Gaji masing-masing untuk mendapatkan cetakan Penyata Gaji Bulanan dan Penyata Pendapatan Tahunan sekiranya tidak mempunyai akses ke internet.
- 2.3. Penjawat Awam yang baru menyertai perkhidmatan kerajaan hendaklah mendapatkan maklumat nombor gaji dari Pusat Pembayar Gaji masing-masing untuk mendaftar ke Sistem.
- 2.4. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang urusan rasmi yang dibuat dengan pihak luar ketika menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Sistem.
- 2.5. Menghubungi maklumbalas@anm.gov.my atau menelefon *hotline* 03-8882 1414 jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai Sistem.

3. TANGGUNGJAWAB PUSAT PEMBAYAR GAJI – ePENYATA GAJI

- 3.1. Ketua PTJ hendaklah melantik pegawai di Pusat Pembayar Gaji untuk mencetak atau memuat turun Penyata Gaji Bulanan Dan Penyata Pendapatan Tahunan pengguna individu yang tidak mempunyai akses kepada internet.
- 3.2. Pegawai yang dilantik perlu memuat turun Laporan Gaji melalui Sistem dan menyimpannya untuk salinan pejabat secara bercetak atau *softcopy*. Sila rujuk **Lampiran C**.
- 3.3. Memaklumkan kepada semua pengguna individu di bawah Pusat Pembayaran Gaji masing-masing mengenai tanggungjawab mereka ke atas sistem.
- 3.4. Memaklumkan secara bertulis maklumat nombor gaji kepada penjawat awam yang baru pertama kali menyertai perkhidmatan awam.
- 3.5. Pegawai yang dilantik/dibatal autoritinya perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Perakaunan masing-masing bagi mendapatkan/membatalkan akses ke Sistem. Permohonan perlu dibuat melalui Borang SP/ANM/3/2010/01 – Borang Permohonan Akses/Pembatalan Akses Sistem ePenyata Gaji dan eLaporan seperti di **Lampiran A**.
- 3.6. Pegawai yang dilantik perlu memperbaharui tempoh sah peranan di dalam Sistem setiap 3 bulan sekali.

3.7. Menghubungi Pentadbir Sistem Pejabat Perakaunan jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai Sistem :

1. Badariah Binti Aziz – Ketua Seksyen Bayaran Dan Gaji
Tel : 03-88833334
Email : badariah_aziz@moh.gov.my

2. Mohd Harris Bin Harun – Ketua Unit Gaji
Tel : 03-88833321
Email : harris_harun@moh.gov.my

3.8. Pihak Pusat Pembayaran Gaji hendaklah mematuhi peraturan-peraturan seperti yang telah ditetapkan di dalam surat pekeliling berkenaan.

4. TANGGUNGJAWAB PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)-eLAPORAN

- 4.1. Setiap PTJ perlu melantik pegawai yang bertanggungjawab mencetak atau memuat turun Laporan Bulanan Pejabat Perakaunan melalui Sistem e-Laporan.
- 4.2. Pegawai yang dilantik perlu memuat turun Laporan Bulanan Pejabat Perakaunan melalui Sistem dan menyimpannya untuk salinan pejabat secara bercetak atau *softcopy*. Sila rujuk senarai laporan di **Lampiran C**.
- 4.3. Pegawai yang dilantik/dibatalkan autoritinya perlu mengemukakan Borang SP/ANM/3/2010/01 – Borang Permohonan Akses/Pembatalan Akses Sistem ePenyata Gaji dan eLaporan (seperti di Lampiran A) ke Pejabat Perakaunan masing-masing bagi mendapatkan/membatalkan akses ke dalam Sistem eLaporan. Permohonan perlu dibuat melalui.
- 4.4. Mendapatkan tatacara penggunaan sistem daripada Pejabat Perakaunan masing-masing.
- 4.5. Pegawai yang dilantik perlu memperbaharui tempoh sah peranan di dalam Sistem eLaporan setiap 3 bulan sekali.
- 4.6. Menghubungi Pentadbir Sistem di Pejabat Perakaunan masing-masing jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai Sistem eLaporan.

En Abd Hassan Bin Mohamad – Ketua Seksyen Akaun
Tel : 03-88833178
Email : abdhassan_m@moh.gov.my

4.7. Pihak Pusat Tanggungjawab hendaklah mematuhi peraturan-peraturan seperti yang telah ditetapkan di dalam Surat Pekeliling berkenaan.

5. PENUTUP

5.1. Semua Pusat Pembayaran Gaji dan Pusat Tanggungjawab hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan supaya pelaksanaan Sistem ePenyata Gaji dan eLaporan dapat dilaksanakan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(HAWAZAIN BINTI SHAARI)
Bahagian Akaun
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k TSUB

Semua Ketua Seksyen

Ketua Unit Gaji

Ketua Unit Penyelenggaraan Akaun



**PERMOHONAN AKSES/PEMBATALAN AKSES
SISTEM ePENYATA GAJI DAN eLAPORAN**
(Sila gunakan HURUF BESAR semasa mengisi borang)



Maklumat tambahan kod di BAHAGIAN II

ePenyata Gaji (Penyata Gaji Bulanan, Penyata Pendapatan Tahunan dan Laporan Gaji):

Kod Jabatan:	Kod Pusat Pembayar Gaji:			
<input type="text"/>	1. <input type="text"/>	2. <input type="text"/>	3. <input type="text"/>	4. <input type="text"/>
	5. <input type="text"/>	6. <input type="text"/>	7. <input type="text"/>	8. <input type="text"/>
	9. <input type="text"/>	10. <input type="text"/>	11. <input type="text"/>	12. <input type="text"/>
	13. <input type="text"/>	14. <input type="text"/>	15. <input type="text"/>	16. <input type="text"/>
	17. <input type="text"/>	18. <input type="text"/>	19. <input type="text"/>	20. <input type="text"/>

eLaporan (Laporan Bulanan Pejabat Perakaunan kepada PTJ)

Kod Jabatan:	Kod Pusat Tanggungjawab:		
<input type="text"/>	1. <input type="text"/>	2. <input type="text"/>	3. <input type="text"/>
	4. <input type="text"/>	5. <input type="text"/>	6. <input type="text"/>
	7. <input type="text"/>	8. <input type="text"/>	9. <input type="text"/>
	10. <input type="text"/>	11. <input type="text"/>	12. <input type="text"/>
	13. <input type="text"/>	14. <input type="text"/>	15. <input type="text"/>

SENARAI LAPORAN GAJI DAN LAPORAN SIRI C


BIL	NAMA LAPORAN	
<u>Laporan Gaji</u>		
1	ZRPY025	Laporan Induk Gaji (Master Listing)
2	ZRPY046	Senarai Potongan Cukai
3	ZRPY047	Senarai Potongan KWSP
4	ZRPY050	Senarai BIK
5	ZRPY069	Laporan Peratusan Potongan Melebihi Pendapatan
6	ZRPCC009	Laporan Baucar Bayaran Gaji
<u>Laporan Siri C</u>		
1	C230T	Laporan Terperinci Perbelanjaan Vot - Tanggungan
2	C231B	Laporan Terperinci Perbelanjaan Vot - Mengurus
3	C232P	Laporan Terperinci Perbelanjaan Vot - Pembangunan
4	C233S	Laporan Terperinci Perbelanjaan Vot - S
5	C330	Laporan Terperinci Hasil
6	C350A	Laporan Terperinci Amanah

TATACARA PENGGUNAAN SISTEM ePENYATA GAJI


1. Sila layari Laman Web Jabatan Akauntan Negara Malaysia (www.anm.gov.my), klik di Menu e-Penyata Gaji dan Laporan.




2. Sila klik di ruangan “pertama kali mendaftar”.




3. Sila isi ruangan yang diperlukan dan klik “ok”.



4. Sila klik “daftar masuk”.



5. Sila masukkan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan dan klik “daftar masuk”.



6. Sila klik “sendiri” di menu Penyata Gaji atau Penyata Pendapatan Tahunan.



7. Pilih tahun dan bulan untuk melihat Penyata Gaji dan klik ikon cari.

The screenshot shows the 'e-Penyata Gaji & Laporan' web application. The browser window title is 'e-PenyataGaji & Laporan (2) - Windows Internet Explorer'. The address bar shows the URL: <http://epenyatagaji-laporan.anm.gov.my/Layouts/PaySlip/PaySlipIndividual.aspx>. The page header includes the ANM logo and the text 'JABATAN AKALUNTAN NEGARA MALAYSIA' and 'e-PENYATA GAJI & LAPORAN'. A user is logged in as 'Amirah Anisah Binti Hassan'. The main content area is titled 'Penyata Gaji Sendiri' and contains a search form with the following fields: 'Tahun' (Year) set to '2010', 'Bulan' (Month) set to 'OKTOBER', and a 'Cari' (Search) button. An arrow points to the 'Cari' button. Below the search form, there is a table with columns: 'Bil', 'Penyata Gaji', 'No. Gaji', 'Jabatan', and 'Pusat Pembayar Gaji'. The table content is currently empty, with the text 'Tiada rekod ditemui' (No records found) below it. A sidebar on the left contains navigation links: 'Penyata Gaji Sendiri', 'Penyata Pendapatan Tabungan Sendiri', 'Profil Saya', 'Tukar Kata Laluan', and 'Keluar'. The Windows taskbar at the bottom shows the Start button, several open applications, and the system clock at 4:23 PM.

8. Sila pilih bulan gaji yang berkenaan dan klik. Penyata gaji anda akan dipaparkan dan anda boleh mencetak atau menyimpan dalam bentuk "soft copy".

e-PenyataGaji ft Laporan (2) - Windows Internet Explorer

http://epenyatagaji-laporan.anm.gov.my/Layouts/PaySlip/PaySlipIndividual.aspx

File Edit View Favorites Tools Help

MOH*Cube - Kementerian Ke... e-PenyataGaji & Laporan ...

JABATAN AKALINTAN NEGARA MALAYSIA
e-PENYATA GAJI & LAPORAN
 Selamat Datang, Siti Nurashah Binti Mastika.

English

Penyafa Gaji

Sendiri

Penyafa Pendapatan Tahunan

Sendiri

Profil Saya

Tukar Kata laluan

Keluar

Penyafa Gaji Sendiri

Sila masukkan pilihan tahun dan bulan

Tahun * 2010 Bulan * SEPTEMBER

* Untuk melihat keterangan, klik pada icon ke ikon kod yang berkenaan

Bil	Penyafa Gaji	No. Gaji	Jabatan	Pusat Pembayar Gaji
1	SEP 2010 (Gaji)	14561492	0251	1002

start

Barak Edaran - ePensi... e-PenyataGaji & Lapo...

Internet 100%

4:12 PM